

Dua buku Perdana Menteri dilancar sempena persidangan

BA 16/10/03

DUA buku yang memaparkan sumbangan, pemikiran dan kejayaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memartabatkan maruah Islam sejagat dilancarkan sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10.

Buku pertama bertajuk *Dr Maha-*

thir Mohamad Dari Perspektif Arab dan Islam, karya Dr Abdulrahim Abdulwahid, seorang warga Palestin yang menetap di Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Buku dalam bahasa Arab itu dilancarkan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob.

Pelancamn buku berkenaan turut dimeriahkan dengan deklamasi syair oleh bekas duta Malaysia ke UAE, Datuk Syed Hussain Al Habshee yang menyampaikan syair dalam bahasa Arab bertajuk, *Mahathir*

Turut dilancarkan semalam adalah buku bertajuk *Mahathir, Rahsia Keja-*

yaan Malaysia hasil nukilan Hajrudin Somun yang juga Duta Bosnia Herzegovina ke Malaysia .

Mengulas mengenai buku karya Abdulrahim itu, Setiausaha Agung OIC Dr Abdelouahed Belkeziz, berkata kejayaan Mahathir memimpin Malaysia sejak 1981, boleh dijadikan panduan

oleh dunia Arab dan Islam.

Belkeziz berkata, Mahathir memimpin revolusi politik, ekonomi dan saintifik yang tulen dengan menukarkan Malaysia daripada sebuah negara berasaskan pertanian kepada sebuah negara yang berkembang maju dan membangun.